

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa kerabat diraja tidak berada di atas undang-undang dan mereka tidak boleh membunuh atau memukul orang.

Menurutnya, tidak ada peruntukan undang-undang di negara ini bagi mana-mana pihak membinasakan pihak lain tanpa tindakan undang-undang dan sebarang kebebasan yang diberikan hanyalah berkenaan perkara tertentu sahaja.

+Kerajaan terpaksa ber tindak jika ada pihak memukul atau membunuh orang, + katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung MIC di sini.

Beliau diminta membuat penjelasan lanjut mengenai ketetapan kabinet berhubung pembabitian Istana dalam urusan pentadbiran kerajaan dan kontroversi campur tangan Istana dalam kegiatan sukan.

Kontroversi isu penarikan diri Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB) dari yad ke johan hoki juara sekoiah-selolah Malaysia baru-baru ini tidak dikaitkan dengan penggantungan lima tahun yang dikenakan oleh Persekutuan Hoki Malaysia terhadap Tengku Bendahara Johor, Tunku Majid Idris pada 13 Okt kerana memukul penjaga gol Perak, Mohamed Jaafar Selvarajah Vello selepas perlawanan akhir hoki Sukan Malaysia di Johor.

Berikutan itu jurulatih MSAB, Douglas Gomez dikatakan dipanggil ke Istana Bukit Serene, Johor Bahru Isnin lepas kerana kenyataannya yang mengecam pihak tertentu berhubung penarikan diri itu.

Selepas itu Gomez mengambil cuti sakit kerana dikatakan cedera di bibir, kepala dan rusuk.

Pada Khamis lepas, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dilaporkan berkata Gomez hendaklah membuat laporan polis jika benar beliau dipukul ketika dipanggil ke Istana Bukit Serene. -- Lagi

▼05/12/13-23MST

CNS5508

U GB 05-12 00162 BA625

aab

Mahathir - Istana 2 Kuala Lumpur

Dengan perkembangan terbaru ini, Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengkaji cara-cara menguatkan undang-undang agar tidak ada sesiapa di negara ini teraniaya.

Sambil menyuarakan rasa kecewa dengan perkembangan itu, Dr Mahathir berkata; +Kerabat diraja tidak berada di atas undang-undang... mereka tidak boleh bunuh atau pukul orang.+

Beliau menasihatkan rakyat negara ini, yang telah teraniaya, supaya melaporkan kejadian berkenaan kepada pihak berkuasa agar tindakan sewajarnya boleh diambil ke atas pihak terbabit.

Menegenai kejadian yang berlaku itu, Dr Mahathir berkata; +Kita berasa amat kecewa dengan perbuatan ini, sepatutnya orang yang tidak ada kena mengena dengan kerajaan tidak cuba memberi arahan kepada pegawai kerajaan terutama arahan tidak sepatutnya dibuat... membuat perkara-perkara yang seharusnya tidak dibuat oleh mana-mana pihak.+

+Kita berasa amat kecewa juga kerana kita dengar bahawa ada pihak yang membawa orang tertentu ke Istana dan ada cerita-cerita kononnya orang ini telah dipukul.+ -- Lagi

▼05/12/13-29MST

CNS5509

U GB 05-12 00170 BA626

aab

Mahathir - Istana 3 Kuala Lumpur

+Ini adalah perbuatan yang tidak harus dilakukan dalam sebuah negara di zaman moden ini. . . 'zaman dulukala boleh . . . sekarang ini perkara semacam ini tidak patut dilakukan,+ katanya.

Beliau seterusnya berkata; +Walaupun mungkin kerajaan tidak dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak tertentu tetapi mereka yang terlibat menculik dan membawa orang ini (Gomez) ke tempat tertentu untuk dipukul, orang itu juga melakukan kesalahan bersubahat dan mereka tidak dilindungi oleh undang-undang dan tindakan boleh diambil terhadap mereka.+

Ketika ditanya sama ada rakyat negara ini boleh menolak jika diarahkan oleh Istana untuk mengadap, Perdana Menteri berkata, arahan itu tidak ada kuasa undang-undang dan terpulanglah kepada sesiapa sama ada mahu pergi (mengadap) atau tidak.

Dr Mahathir berkata, setakat ini beliau tidak tahu sama ada aduan polis telah dibuat berhubung kejadian itu.

+Kita sedih kalau aduan polis tidak dibuat kerana takut. Sepatutnya rakyat tidak harus berasa takut dalam perkara yang melibatkan keadilan kepada mereka,+ katanya. -- Lagi

▼05/12/13-36MST

CNS5510

U GB 05-12 00156 BA627

aab

Mahathir - Istana 4 Kuala Lumpur

Beliau berkata; pihak berkuasa tetap memberi perlindungan mengikut undang-undang kepada rakyat negara ini.

+Rakyat Malaysia mesti dipelihara dengan undang-undang dan tidak ada sesiapa yang boleh membuat sesuatu kepada rakyat Malaysia.

+Kita tetap memberi perlindungan . . . kita ingin menasihatkan kalau ada lagi perbuatan yang semacam ini, seperti memaksa seseorang pergi ke mana-mana tempat untuk dipukul, kita tidak akan berdiam diri dalam perkara ini, bukan menjadi hak sesiapa untuk memukul orang,+ tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, beliau juga mendengar cerita adanya kes-kes orang tertentu 'dipukul kerana memandu kereta dengan laju dan sebagainya dan menganggap perkara seperti itu tidak sepatutnya berlaku.

+Saya dengar ada kes-kes orang dipukul kerana bawa kereta dengan laju dan sebagainya dan ini tidak harus berlaku di Malaysia. Kalau ada mana-mana pihak dianiaya seperti ini kita ingin mendapat laporan supaya kita dapat ambil tindakan,+ kata beliau. -- Lagi

▼05/12/13-39MST

CNS5511

U GB 05-12 00094 BA628

aab

Mahathir - Istana 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika disoal mengenai kontroversi pemberian 10 juta saham Telekom Malaysia kepada Maika Holdings (syarikat yang ditaja oleh MIC), beliau berkata, +tiada komen apa . . . benda tu dah selesai .+

Mengenai kejadian-kejadian kebakaran ke atas bangunan kerajaan sejak akhir-akhir ini, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menyiasat untuk mengetahui kenapa kebakaran-kebakaran itu berlaku pada sebelah malam.

+Kita ingin buat siasatan kenapa kebakaran selalu berlaku sebelah malam, walaupun berlaku disebabkan oleh percikan elektrik kenapa berlaku sebelah malam, + kata beliau. -- Bernama

▼05/12/13-41MST ,